

**Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Pemangkin Transformasi Hidup - Najib
MStar
1 Julai 2015**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Tun Razak yakin pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan menjadi pemangkin transformasi kehidupan rakyat dan membawa pertumbuhan ekonomi yang pesat di negeri itu.

Perdana menteri berkata ia juga dapat merealisasikan usaha kerajaan melaksanakan pembangunan yang berpaksikan rakyat di Sarawak, memandangkan lebuhraya berkenaan merupakan penghubung bandar-bandar utama di negeri itu dan seterusnya bertemu dengan lebuhraya di Sabah.

"Impian saya untuk melihat pembangunan sama rata dan pengurangan jurang antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak semakin menjadi kenyataan.

"Insya-Allah kita akan berusaha melaksanakan projek ini bersama," katanya dalam catatan terbaharu blog www.najibrazak.com hari ini.

Pada Selasa, perdana menteri menyaksikan pemeteraian perjanjian pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 1,090 kilometer di Sarawak melibatkan kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri Sarawak dan Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd (LBU) di Putrajaya.

Perjanjian itu ditandatangani Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Seri Zohari Akob, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani dan Pengerusi LBU Tan Sri Abang Ahmad Urai Hakim Abang Mohideen.

Turut hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fasa pertama pembinaan lebuhraya itu melibatkan jajaran sepanjang 773 kilometer yang dijangka dimulakan pada September ini.

Lebuhraya Pan Borneo Sarawak merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 2,239 kilometer akan menjadi penghubung bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak.

Menurut Najib, sebagaimana Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) telah membuka peluang pembangunan dan penambahbaikan perhubungan antara bandar di Semenanjung Malaysia, perkara sama boleh dicapai melalui pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo melibatkan kos keseluruhan RM27 bilion dan dijangka siap pada tahun 2020.

Hakcipta Terpelihara © 2015 Star Publications (M) Bhd (Co No 10894-D)

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/07/01/pan-borneo-najib/>